

Pameran sempena Mesyuarat Menteri Besar, Ketua Menteri ke-100

PUTRAJAYA 21 Julai - Sempena Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang ke-100, satu pameran mini diadakan dengan upacara perasmian disempurnakan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Galeri, Aras 1, Pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Pada majlis perasmian itu Perdana Menteri menandatangani plak pameran dan meluangkan masa

melawat pameran berkenaan.

Hadir sama ialah Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri dan beberapa menteri Kabinet termasuk Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Da-

tuk Seri Abdul Aziz Shamsudin.

Pelbagai maklumat mengenai mesyuarat tersebut dipamerkan iaitu sejak pemerintahan Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj sehingga kepada pentadbiran Perdana Menteri ketika ini.

Antara maklumat yang dipamerkan ialah mesyuarat pertama Menteri Besar dan Ketua

Menteri yang dihadiri oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman pada 20 November 1959 sementara mesyuarat pertama yang dipengerusikan oleh Abdullah pada 6 November 2003.

Antara isu yang dibincangkan dalam mesyuarat-mesyuarat sebelum ini ialah pilihan raya pihak berkuasa, pelajaran Bahasa Kebangsaan kepada pegawai asing,

taraf dan sagu hati ketua kampung serta rancangan Radio Malaysia.

Di samping itu, isu seperti hak milik tanah Lembaga Elektrik Negara, pelesenan getah, perbuatan rasuah di kalangan kakitangan kerajaan, keselamatan peringkat negeri, skim Rukun Tanggah dan kawalan Majlis Agama Islam serta kumpulan wang turut disentuh.